

23 APR 2001

Parlimen-Usul

DEWAN KECOH BILA USUL TANGGUH MESYUARAT TIDAK DISOKONG

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Penolakan usul yang dibuat oleh seorang penyokong kerajaan untuk menengguhkan mesyuarat Dewan Rakyat bagi membincangkan penggunaan peruntukan kerajaan pusat kepada beberapa institusi pendidikan di Terengganu telah menimbulkan kekecohan di kalangan anggota Parlimen hari ini.

Isu itu yang mempunyai hubungan dengan kerajaan Terengganu pimpinan Pas, secara ironinya mendapat sokongan penuh pembangkang tetapi tidak di pihak penyokong kerajaan.

Usul yang dikemukakan oleh Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) itu nyata mahu dibahaskan oleh pihak pembangkang walaupun Timbalan Speaker Datuk Lim Si Cheng sendiri belum sempat menghabiskan ayat untuk menolak usul tersebut.

Bung Moktar ketika membentangkan usul tersebut berkata usul itu perlu dibincangkan segera kerana ia melibatkan peruntukan sebanyak RM40 juta kepada beberapa institusi pendidikan di Terengganu iaitu Terengganu Advance Training Institute (TATI), Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) dan 11 Sekolah Menengah Agama di seluruh Terengganu tetapi tidak diketahui cara pengurusannya.

Menurut Bung Moktar, ini adalah kerana kerajaan Terengganu telah mengarahkan institusi berkenaan menyalurkan wang tersebut kepada kerajaan negeri di mana ia akan dikeluarkan semula mengikut keperluan semasa.

"Adalah dikhuatiri wang tersebut akan disalahgunakan untuk membiayai program-program politik pimpinan tertinggi kerajaan Pas Terengganu yang akan terlibat di dalam proses pemilihan parti mereka," katanya.

Bung Moktar berkata tindakan kerajaan Terengganu di dalam merampas hak rakyat Terengganu itu amat serius dan bersifat zalim, keji dan keterlaluan kerana ia boleh menjejaskan kehidupan rakyat terbanyak khususnya para pelajar yang terbabit.

"Perbuatan tersebut juga merupakan satu usaha sabotaj untuk membantutkan kelancaran proses pendidikan rakyat Terengganu," katanya.

Bagaimanapun, apabila usul tersebut ditolak oleh Lim kerana dikatakan "tidak perlu disegerakan", kesemua anggota pembangkang yang hadir bangun dan meminta supaya ia dibahaskan sedangkan tiada sokongan yang diterima daripada pihak penyokong kerajaan termasuk Bung Moktar sendiri.

Apabila menyedari Bung Moktar sendiri tidak membantah keputusan Lim, Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) berkata: "Kenapa tak bangun sokong, sokonglah!"

Tuntutan itu turut disuarakan oleh beberapa anggota Parlimen pembangkang lain termasuk Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah), Mohd Apandi Mohamed (PAS-Jeli), Husam Musa (PAS-Kubang Kerian) dan Mustafa @ Hassan Ali (Pas-Dungun) yang masing-masing menjerit lantang supaya Bung Moktar bangun menyokong mereka meminta supaya usul tersebut dibahaskan.

Lim yang cuba menenangkan keadaan itu berkata: " Yang Berhormat, cukuplah. Keputusan saya dah buat. Saya faham apa yang nak dibincangkan tetapi ia tidak perlu disegerakan. Yang Berhormat boleh bangkitkan perkara itu semasa perbahasan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) nanti."

Beliau seterusnya meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sepatutnya membentangkan RMK8 memulakan ucapannya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir yang baru hendak bangun memulakan ucapan terpaksa duduk semula apabila diganggu lagi oleh Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) dan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu).

Dr Syed Azman menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(1) bagi mempersoalkan tujuan Perdana Menteri membentangkan RMK8 itu.

"Adakah pembentangan oleh Perdana Menteri itu relevan dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini. Menteri Kewangan pun ambil cuti," katanya sinis.

Dr Mahathir yang diminta Lim supaya meneruskan ucapannya bagaimanapun sempat membidas kata-kata Dr Syed Azman apabila berkata: "Susahlah kalau orang yang tak tau apa-apa ni, bercakap."

Terdahulu, ketika sesi soal jawab, Dewan turut diriuhan dengan bunyi tepukan meja oleh pihak pembangkang apabila Kerk hadir semula selepas digantung daripada menghadiri sidang selama tiga hari bermula Selasa lepas.

Tindakan pembangkang itu yang disifatkan sebagai sokongan terhadap Kerk sekaligus membuatkan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar terpaksa berhenti seketika ketika menjawab soalan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (PAS-Kuala Terengganu) mengenai pelaburan Tabung Haji.

Bagaimanapun, kira-kira 15 minit kemudian, keriuhan timbul lagi apabila pihak penyokong kerajaan pula menepuk meja sebagai tanda sokongan apabila Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin masuk ke Dewan tersebut.

Ketika itu, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia yang sedang menjawab soalan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) mengenai lampu isyarat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula terpaksa menghentikan jawapannya buat seketika.

-- BERNAMA

NHA MS ZB